

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI WANITA 2001**  
**DI PALACE OF THE GOLDEN HORSES**  
**25 OGOS 2001**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

YB Dato' Shahrizat Abdul Jalil Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga

Ahli-ahli yang berhormat

Dif-dif kehormat

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang saya hormati sekalian, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu dalam majlis ini untuk sama-sama menyambut hari wanita tahun 2001. sesungguhnya, Hari Wanita disambut setiap tahun bagi memperingati jasa kaum wanita kepada keluarga, masyarakat dan negara. Pada masa yang sama, majlis seperti ini membolehkan kita merapatkan hubungan silaturrahim sesama kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Kerajaan telah sedia mengiktiraf kepentingan dan sumbangan wanita yang merupakan hampir separuh daripada penduduk negara. Peranan wanita hari ini dapat dilihat dalam pelbagai bentuk dan rupa, malah ramai wanita kini memainkan beberapa peranan yang serentak seolah-olah dengan begitu mudah sekali, sebagai pekerja dan sebagai ibu, sebagai pengurus rumah tangga, dan sekaligus sebagai penyumbang kepada masyarakat. Dalam pelbagai peranan ini, jasa dan sumbangan wanita amatlah besar, terlalu besar untuk dihitungkan satu demi satu. Malahan kaum lelaki juga sedar dan mengiktiraf jasa mereka. Bagi pihak kerajaan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan terima kasih kepada wanita Malaysia atas peranan mereka yang semakin bermakna lagi.

3. Tema perayaan Hari Wanita pada tahun 2001 ialah "Nur: Kesaksamaan Gender". Pada satu peringkat, tema ini mencerminkan kesinambungan antara sambutan Hari Wanita 2000 dengan yang diadakan pada malam ini. Kesinambungan ini adalah penting, khususnya untuk menentukan bahawa sesuatu yang diusahakan dan diperjuangkan tidak dilaung-laungkan dalam satu majlis sahaja dan selepas itu tinggal sebagai slogan semata-mata. Kita perlu mengambil langkah susulan, meninjau semula kemajuan yang dicapai dan jika perlu, menghalusi semula apa yang diusulkan, supaya matlamat asas kita akan tercapai sebaik mungkin. Tema sambutan tahun lepas, iaitu "Nur: Bermula Dengan Mu" bertambah erti lagi dengan fokus terhadap kesaksamaan antara lelaki dan wanita pada tahun ini.

4. Tidak salah kiranya, jika saya mengingatkan kita semua bahawa sebarang inisiatif untuk memperbaiki kedudukan serta kehidupan sesuatu golongan itu tidak akan dapat dilaksanakan tanpa penglibatan golongan itu sendiri. Dengan ini, ingin saya rakamkan perasaan yang amat sukacita, atas usaha Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga serta kesemua saudari-saudari yang telah melibatkan diri untuk membuktikan bahawa perjuangan untuk mewujudkan kesaksamaan gender, sungguhpun memerlukan sokongan masyarakat keseluruhannya, telahpun "bermula

denganmu", wanita Malaysia.

5. Jika kita menoleh ke belakang sejenak untuk meninjau pencapaian semenjak Hari Wanita tahun lepas, saya kira wanita Malaysia boleh berbangga dengan kewujudan sebuah Kementerian khusus untuk memajukan kepentingan mereka, iaitu Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, yang telah ditubuhkan pada 30 Januari 2001. Saya yakin Kementerian baru ini, serta Menteri Y.B. Dato' Shahrizat akan terus bekerja keras melaksanakan mandat mereka melalui pelbagai program dan aktiviti, sungguhpun tugas menggerakkan sebuah Kementerian baru bukanlah sesuatu yang mudah dan dapat diselesaikan dalam masa yang tersingkat.

6. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah menetapkan wawasan atau matlamat utama mereka, iaitu untuk mencapai kesaksamaan gender dan institusi kekeluargaan yang mantap sebagai asas utama bagi pembangunan masyarakat, ke arah pembentukan sebuah negara maju. Bagi saya, ini merupakan satu wawasan murni yang perlu diperjuangkan dengan bersungguh-sungguh oleh semua anggota Kementerian. Pada masa yang sama, semua pihak yang berkenaan, tidak kira kaum wanita atau lelaki, hendaklah memberi kerjasama dan sokongan terhadap Kementerian dalam usaha mencapai wawasan ini. Saya yakin bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan berjaya merealisasikan wawasan yang diusahakan. Kepercayaan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa dalam usianya baru setahun jagung, Kementerian telah berjaya dalam mengusulkan supaya perkara 8(2) Perlembagaan dipinda untuk tidak mengizinkan diskriminasi berasaskan gender di negara kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Apa yang penting adalah dengan terlaksananya pindaan ini, dasar, undang-undang dan peraturan yang mendiskriminasikan wanita akan dikaji semula dan digantikan dengan yang baru. Sesungguhnya, pindaan kepada perkara 8(2) Perlembagaan menjadikan tema sambutan Hari Wanita tahun ini iaitu 'Nur: Kesaksamaan Gender' sebagai suatu, yang insya Allah, dapat kita realisasikan bersama dengan usaha berterusan serta komitmen yang teguh.

8. Dalam pada itu, kita harus menentukan bahawa kesaksamaan itu adalah benar-benar bererti, bukan setakat retorik ataupun perkara yang tersebut pada kertas semata-mata. Saya percaya Kementerian tidak akan berdiam diri, sebaliknya akan menyusuli pindaan perlembagaan itu dengan agensi-agensinya berkenaan. Ini bukan satu tugas yang kecil. Pelaksanaan tindakan susulan ini memerlukan ketekunan pada pihak Kementerian serta kerjasama banyak pihak yang lain. Kementerian Dalam Negeri umpamanya telah mengambil langkah awal mengenai perkara ini untuk mengkaji semula peraturan tertentu di bawah Undang-undang Imigresen.

9. Saya berharap bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan dapat memanfaatkan sumbangan- sumbangan, khususnya dari Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan yang di antaranya, sudahpun lama menjalankan usaha masing-masing dalam pelbagai isu yang melibatkan kaum wanita serta institusi keluarga. Saya juga yakin bahawa NGO-NGO ini turut menganggap bahawa Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga boleh menjadi pelengkap kepada kerja-kerja serta perjuangan mereka selama ini, serta menjadi rakan terbaik dalam isu-isu yang sebenarnya bukan sahaja melibatkan wanita, tetapi segenap lapisan masyarakat. Seperti yang kita sedia maklum, "issues about women's rights, are issues about human rights" . Oleh itu saya amat mengharapkan penglibatan serta kerjasama kesemua pihak di dalam hal ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, 10. Selain aspek yang memberi kesan dalam masa terdekat, adalah penting ditentukan bahawa kesaksamaan dicapai dalam pembangunan jangka panjang. Ini adalah untuk menjamin bahawa kesamarataan yang diperjuangkan itu adalah benar-benar bererti. Saya turut menyebut tentang pembangunan jangka panjang kerana kerap kali, perkara yang mengambil masa yang lebih lama, yang turut menjadi penghalang yang paling degil, ialah pemikiran dalam masyarakat atau 'mindset' kita. Kita harus mengambil maklum bahawa perubahan mindset mestilah turut menjadi matlamat yang penting, seiring dengan perubahan yang ingin kita lihat dari segi amalan, dasar mahupun undang-undang. Perubahan kepada mindset agar tidak memandang wanita sebagai golongan yang lebih rendah atau kurang kebolehnya, jika dapat dicetuskan, adalah kayu pengukur yang paling baik dari segi kemajuan dalam perjuangan untuk menentukan kesaksamaan gender.

11. Sehubungan ini, saya ingin mengajak kaum wanita negara ini sama-sama menyertai pembangunan negara untuk menjadikan ekonomi kita berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi. Kerajaan merancang menjadikan Malaysia sebagai sebuah k-ekonomi berdasarkan kesedaran bahawa ilmu pengetahuan sebenarnya merupakan sumber yang paling strategik dalam pembangunan ekonomi. Maka dengan itu, sumber atau modal yang paling penting adalah rakyat Malaysia itu sendiri, iaitu sebagai sumber manusia yang berdaya maju dan berdaya saing.

12. Di dalam hal ini, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT memainkan peranan penting dalam pembangunan k-ekonomi. Ini adalah kerana ICT merupakan medium untuk penajaan, penyimpanan serta pengedaran maklumat dan ilmu yang berkesan. ICT turut dapat memainkan peranan pemangkin kepada pertumbuhan serta pembangunan negara, oleh itu, ia diberikan penekanan yang amat penting oleh kerajaan.

13. Sedang kita melalui era globalisasi, rakyat perlu mendapatkan kemahiran dan kelayakan baru secara berterusan. Budaya cintakan ilmu perlu dipupuk di kalangan semua rakyat. Seterusnya ilmu yang diperolehi perlu dikongsi dan digunakan untuk manfaat umum. Seluruh rakyat negara ini tidak kira lapisan harus sanggup belajar dan menimba ilmu pengetahuan, termasuk mengenai komputer. Sudah tentu kaum wanita tidak terkecuali daripada ini. Sebaliknya pula, jika wanita gagal menguasai ICT, mereka akan ketinggalan. Jurang gender mungkin akan semakin meluas, dan kita tidak mahu melihat jurang digital disifatkan pula dari segi jurang antara lelaki dan wanita.

Tuan-tuan dan puan-puan, 14. Selain daripada kedudukan ekonomi, saya ingin menyeru kaum wanita supaya turut memberi perhatian kepada pembangunan sosial. Sejak kebelakangan ini gejala sosial didapati semakin meningkat. Perkara ini memerlukan perhatian serius oleh kita semua. Ini adalah kerana golongan yang paling besar terbabit adalah anak muda. Mereka ini adalah harapan masa depan bangsa dan negara kita. Jika kecundang generasi ini, renungkan apa yang akan terjadi kepada negara kita. Peranan membimbing golongan muda adalah tanggungjawab semua - bapa, ibu, guru malahan masyarakat keseluruhannya. Namun, kedudukan istimewa wanita sebagai ibu membolehkan mereka memainkan peranan tersendiri dalam mengatasi gejala sosial, walaupun kaum bapa tidak wajar menyerahkan masalah ini kepada si isteri semata-mata.

15. Ahli-ahli keluarga harus menentukan bahawa rumah menjadi tempat yang selesa bagi anak-anak, tempat kesukaan mereka selain daripada tempat tidur semata-

mata. Keadaan seperti ini tidak akan terjadi dengan sendiri. Sebaliknya, ia memerlukan ibu bapa meluangkan masa untuk mendampingi anak mereka, berkomunikasi dengan mereka dan memberi perhatian kepada perkembangan mereka seharian. Kesibukan menjalankan tugas pejabat atau perniagaan tidak harus dibiarkan menghalang kita daripada melaksanakan tanggungjawab ini. Saya ingin menyatakan hakikat ini untuk kedua-duanya, ibu dan juga bapa. Institusi keluarga yang kukuh dan baik memerlukan penglibatan serta usaha kesemua anggota-anggotanya.

16. Kerajaan telah mengambil langkah tegas bagi membanteras pengaruh negatif yang melibatkan anak muda seperti pengedaran bahan lucah. Pelaksanaan langkah ini akan diteruskan dengan tegas. Disamping itu, undang-undang lain, yang melibatkan perkara-perkara seperti rogol dan sumbang mahram, akan diperketatkan lagi. Penguatkuasaan undang-undang ini juga akan terus dipertingkatkan - jangan harap kita akan berundur, walaupun selangkah - demi menjaga kepentingan mereka yang memerlukan bantuan dan perlindungan.

Tuan-tuan dan puan-puan, 17. Saya percaya bahawa sambutan Hari Wanita tahun ini, bukan hanya tertumpu kepada perhimpunan dan perayaan semata-mata. Saya difahamkan bahawa dua persidangan akan diadakan sebagai sebahagian daripada Hari Wanita 2001 ini, termasuk buat pertama kalinya, satu persidangan khas untuk wanita daripada generasi pelapis. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian atas inisiatif ini. Kita harus mendengar pendapat dan aspirasi generasi baru, sambil kita yang lebih dewasa bertukar-tukar pandangan bersama mereka, di samping mengadakan perbincangan sesama kita. Saya percaya cadangan yang bernas akan dapat dihasilkan daripada dua persidangan yang akan diadakan itu, yang seterusnya akan dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat dan negara keseluruhannya.

18. Sama-samalah kita jayakan matlamat mewujudkan kesaksamaan gender di dalam masyarakat kita. Saudari-saudari tentu tahu bahawa antara kaedah yang paling berkesan untuk mencapai kesaksamaan adalah dengan meneruskan usaha-usaha saudara semua untuk mengecapi potensi masing-masing dalam segala bidang dan arena. Telah terbukti di kampus-kampus IPTA bahawa wanita bukan sahaja sama kebolehannya dengan rakan-rakan lelaki, malah lebih baik lagi dalam pelbagai lapangan. Ini tidak boleh dinafikan sama sekali. Wanita hari ini, tidak harus beralih lagi dengan terlalu banyak alasan untuk berjaya, mahupun menganggap dirinya mempunyai sebarang kekurangan berbanding laki-laki.

19. Peluang-peluang bagi wanita hari ini semakin terbuka. Kerajaan akan tetap menyediakan sokongan, bantuan serta peluang-peluang bagi wanita Malaysia untuk melibatkan diri serta menyumbang kepada masyarakat, negara dan juga agama. Kerjaan ini akan terus berusaha untuk memastikan bahawa wanita tidak akan didiskriminasi. Ini adalah janji saya, bukan hanya atas kesedaran bahawa Malaysia tidak mampu mengenyepikan separuh daripada sumber tenaganya, tetapi kerana perjuangan untuk kesaksamaan adalah matlamat yang murni, adil dan benar .

20. Maka dengan sepatah-dua kata itu, serta harapan yang begitu menggunung, saya dengan segala sukacitanya melancarkan Sambutan Hari Wanita Tahun 2001.

Sekian, terima kasih